

UNTUK SIARAN SEGERA

Inovasi Rekaan Bergaya & Anggun oleh Panasonic

Bandar Utama, 29 Oktober 2014 – Panasonic Malaysia telah melancarkan siri baru Peti Sejuk dan Mesin Basuh. Sejumlah 11 model baru Peti Sejuk dan 6 model baru Mesin Basuh telah dipamerkan kepada orang ramai di Dewan Oval, Tingkat Bawah Tanah (LG) Pusat Membeli-belah One Utama. Barisan produk baru ini menampilkan ciri-ciri yang penuh dengan inovasi dengan rekaan yang anggun. Model baru ini akan menjadi tambahan bagi barisan lengkap Peti Sejuk dan Mesin Basuh yang kini mempunyai sejumlah 23 model (Peti Sejuk) dan 18 model (Mesin Basuh).

Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, En Yosuke Matsunaga berkata, “Selari dengan slogan global kami, Kehidupan Lebih Baik Dunia Lebih Baik, Panasonic Malaysia terus memperkenalkan produk yang lebih sofistikated dan cekap tenaga untuk Memperkaya Kehidupan Keluarga di Malaysia.”

“Melalui pengenalan model-model baru ini, kami ingin menawarkan pilihan yang pelbagai bagi Peti Sejuk dan Mesin Basuh kepada para pelanggan kami yang akan memenuhi keperluan mereka. Produk-produk yang ada kini dibina untuk memberikan kemudahan selain mesra alam, serta sentiasa dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan semasa pasaran,” tambah Matsunaga lagi.

Antara kemuncak pelancaran tersebut ialah:

Peti Sejuk Berbilang Pintu, model NR-F510GT yang dilengkapi dengan ciri-ciri baru dan dipertingkatkan.

1. Teknologi terpaten Panasonic, Econavi dan Inverter (Penyongsang) yang menggalakkan Penjimatan Tenaga melalui pengawalan suhu pintar di dalam Peti Sejuk.
2. Penyelesaian simpanan dengan **Prime Fresh** yang membolehkan makanan disimpan pada suhu -3 darjah, menjadikannya lebih mudah untuk memasak makanan tanpa perlu menyahbeku, lalu mengekalkan rasa dan kesegaran makanan segar.
3. Rekaan Kaca yang Bergaya dan Anggun yang menampilkan pintu leper sepenuhnya tanpa bingkai, memberikannya penampilan yang sofistikated yang juga tahan lasak dan mudah dibersihkan.

Mesin Basuh dengan Pengering Pam Haba, model NA-VX93GL ialah tambahan baru kepada barisan produk Mesin Basuh yang merupakan kombinasi 2 dalam 1, memberikan keselesaan dan kemudahan kepada pengguna.

1. Menampilkan teknologi Econavi dan Inverter (Penyongsang) yang telah ditingkatkan bagi prestasi luar biasa dengan sensor pintar Suhu Air dan Bahan Pakaian.
2. Teknologi **Buih Aktif** yang menampilkan 7 pancuran air bertekanan tinggi dari semua arah serentak, menghasilkan buih untuk menembusi pakaian secara lebih mendalam, lalu memberikan prestasi pembersihan yang hebat.

3. Ciri **Pam Haba** yang menyebarkan udara panas dan kering ke dalam dram untuk menyingkirkan lembapan dengan lembut daripada pakaian.

Kedua-dua model (NR-F510GT dan NA-VX93GL) merupakan model premium buatan Jepun yang terbaik dalam barisan produk sedia ada yang akan menjadi model utama Panasonic Malaysia. Beberapa kempen eksklusif akan dijalankan untuk mewujudkan pengalaman pelanggan yang hebat. Jaminan istimewa selama *3 tahun akan ditawarkan untuk model-model ini yang juga didatangi dengan *E-Baucar Panasonic bernilai sehingga RM300.

Matsunaga menambah. “Kami ingin memberi pelanggan kami pengalaman yang unik semasa membeli Produk Premium kami. Selain menyediakan produk yang paling berkualiti, kami di Panasonic juga menekankan khidmat pelanggan yang terbaik.”

Antara yang dilancarkan serentak ialah siri baru barisan produk Peti Sejuk dan Mesin Basuh yang terdiri daripada:

1. Peti Sejuk – Penyejuk Beku Bawah dan Penyejuk Beku Atas untuk memenuhi gaya hidup berbeza bagi keluarga di Malaysia. Model ini mempunyai ciri-ciri Cekap Tenaga dan juga rekaan yang cantik.
2. Mesin Basuh – Muatan Hadapan dan Muatan Atas, memenuhi keperluan berbeza sesebuah keluarga. Selain itu, Panasonic telah memenangi Anugerah Rekaan Terbaik 2013 di Jepun bagi Mesin Basuh Muatan Atas mereka, iaitu bagi model NA-F135X1, dengan kapasiti muatan sebanyak 13.5kg.

Kunjungilah Pameran Peti Sejuk & Mesin Basuh Panasonic di **Dewan Oval, Tingkat Bawah Tanah, Pusat Membeli-belah One Utama**, dari **30 Oktober – 2 November 2014**, untuk menyaksikan pelbagai jenis produk Peti Sejuk & Mesin Basuh Panasonic.

*Tertakluk kepada Terma dan Syarat

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di www.pmpressroom.com

Media Contact: Mazlee Mokhtar

Senior Executive, Corporate Communications & Branding

Marketing Innovation Department
Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722

Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com